



NOTIS PEMAKLUMAN

Tarikh: 25 November 2025

NOTIS PENGIMPORAN PRODUK BAJA BERASASKAN TINJA AYAM

Selaras dengan pembangunan PROSEDUR BIOSEKURITI TUMBUHAN (PBT)- PROSEDUR PENGIMPORAN MIKROORGANISMA DAN BAHAN ORGANAN DARI SEMUA NEGARA KE MALAYSIA, setiap kemasukkan produk baja tinja berasaskan haiwan hendaklah mendapat pengesyoran daripada pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS). Oleh itu, pihak pengimport perlu menghantar permohonan kepada pihak DVS sebelum memohon kelulusan Jawatankuasa Pengimportan Mikroorganisma dan Bahan Organan (JKPMOBO).

Butiran yang diperlukan bagi setiap permohonan adalah seperti berikut:

1. Surat permohonan serta maklumat individu (*contact person*) di Malaysia
2. Maklumat syarikat pengeluar
3. Maklumat produk- nama, jenama, pembungkusan, kandungan produk, sumber bahan mentah
4. Aliran proses produk, termasuk rawatan haba/ rawatan lain
5. Sampel draf Sijil Kesihatan Veterinar

Permohonan tersebut hendaklah dikemukakan kepada:

Bahagian Kawalan Penyakit dan Biosekuriti Veterinar

Jabatan Perkhidmatan Veterinar

Aras 5, Lot 4G1, Blok Podium,

Wisma Tani, No. 28, Persiaran Perdana, Presint 4,

62624 Putrajaya

Sekian, untuk makluman.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar

Cetakan komputer ini tidak memerlukan tandatangan